

HJ. NIK ABD AZIZ BIN NIK MAT: PANDANG SISI SEBAGAI ULAMA HADIS.¹

Nik Yusri bin Musa.

Abstrak.

Tokoh yang lebih dikenali dalam lapangan politik Islam ini masih belum dilihat secara lebih terperinci sebagai seorang ulama hadis. Walaupun beliau di beri title ‘tok guru’ yang membawa maksud sebagai seorang ulama, namun gelaran tersebut sebenarnya lebih kepada sebagai suatu bentuk penghormatan terhadapnya sebagai seorang ahli politik melayu yang membawa gagasan Islam. Apatah lagi beliau sebagai Mursyid al-am kepada Parti Islam SeMalaysia. Kertas kerja ini cuba melihat beliau sebagai ulama hadis.

Keyword : Ilmu Hadis

Pendahuluan.

Tokoh ini sebenarnya tidak perlu diperkenalkan kerana sudah dikenali ramai. Ketokohan beliau dalam bidang politik Islam sememangnya diakui kawan dan lawan. Hujah-hujah yang diutarakan dalam menghuraikan sesuatu isu mencerminkan kemantapan ilmu dan pengalaman beliau sebagai seorang ahli politik Islam dan ulama. Petah berbicara terutamanya dalam memberikan penjelasan terhadap sesuatu isu berdasarkan Islam. Seorang yang lembut dalam ketegasan, sabar dalam ‘kepongahan’, tenang dalam kemantapan jiwa. Pro dan kontra terhadap pandangan beliau ditangani dengan penuh teliti. Namun sebagai manusia biasa tidak dapat dinafikan bahawa kesilapan dan kesalahan sememangnya berlaku.

Penglibatan Hj. Nik Abd Aziz sebagai ahli politik.

Beliau mula menceburkan diri dalam bidang politik pada tahun 1967. Menurutnya bukan beliau yang masuk PAS tapi beliau dimasukkan dalam PAS. Tiga hari setelah menjadi ahli PAS maka beliau dipilih sebagai calon pilihanraya di kawasan Parlimen Kelantan Hilir (sekarang Pengkalan Chepa) bagi menggantikan Haji Ahmad Abdullah atau Mat Prai yang meninggal dunia kerana kemalangan jalanraya. Menurutnya:

“Saya tengah mengajar di Ma’ahad Muhammadi datang wakil rakyat Panchor, Pak Nik Lah Arsyad, dia kata “Ustaz, Datuk Asri minta ustaz pergi ke rumah dia sekarang”. Saya kata “pasal apa?..... mulai dari situlah saya menjadi orang PAS. Jadi ahli PAS tiga hari sebelum menjadi calon tahun 1967”.(The Star, April, 30, 2000) (Mohd. Asri Haji Muda, UKM, 1993 hal 63)

Catatan politik Hj. Nik Abd Aziz secara terperinci dapat dilihat dalam tesis Ph.D Ismail Yusoff.

Para guru Hj. Nik Abd Aziz

Ibu beliau Cik Aminah bt. Majid dan bapanya Hj. Nik Mat bin Raja Banjar (dikenali Tok Ku Nik Mat Alim atau Nik Mat Pongoh) merupakan guru beliau yang terawal. Bapanya Hj. Nik Mat (1905-1978) merupakan seorang ulama terkenal dan pengasas pondok di kampung Pulau Melaka. Di situlah Hj. Nik Abd Aziz mendapat didikan awal dengan kawalan yang ketat dari bapanya. Bapanya Hj. Nik Mat Alim pernah berguru dengan beberapa ulama terkenal di Kelantan pada waktu itu seperti Hj. Omar Mentuan, Tok Kenali, Tuan Guru Hj. Wan Musa, Tok Khurasan dan Sidi Azhari. Ilmu-ilmu yang dipelajari dari para ulama ini ialah Tafsir, Hadis, Fiqh, Tasauf, Tajwid dan Mantiq. Sedangkan kebiasaan pengajian pondok pada waktu itu ialah Feqh dan Tauhid.

Ketegasan dan kegarangan (pongoh) bapanya sebenarnya menjadikan Hj. Nik Abd Aziz sebagai seorang yang berdisiplin dan menjaga suruhan agama seperti menjaga solat berjamaah, menjaga aurat bagi anak perempuan dan seumpamanya.

Selain bapanya Hj. Nik Abd Aziz juga pernah berguru dengan mufti Hj. Musa. Beliau juga berguru dengan Hj. Ahmad Mahir, Hj. Nik Adib, Hj. Said Kangkong, Hj. Yaakub bin Hj. Ahmad, Hj. Nik Abdul Rahman bin Hj. Abdullah Khatib dan Tuan Guru Hj. Ali Pulau Pisang sewaktu di sekolah arab Jam'i (pada waktu itu di kenali sebagai *Al-Madrasah al-Muhammadiyah Al-Arabiah* bertukar nama kepada Jam'i Merbau Al-Ismaili pada 12 Julai 1956). Setelah selesai di Jam'i merbau beliau pula belajar dengan Tuan Guru Hj. Abas dan adiknya ustaz Abdullah Hj. Muhammad (Ustaz Lah India) di Madrasah Ittifaqiah, Jertih, Besut, Terengganu. Kemudian beliau ke India kerana mengikut ustaz Lah ke India.

Hj. Nik Abd Aziz juga pernah belajar dengan Tok Khurasan iaitu seorang ulama yang berasal dari Bhafar, Pakistan. Tok Khurasan masuk ke Thailand dan berniaga kain di Tanjung Mas Thailand dengan tujuan untuk ke Mekah, kedainya terbakar. Kemudian datang ke Kelantan dan menetap di kampung Sireh Kota Bharu. Masa Jepun beliau mengajar di surau kampung Sireh kitab Sahih al-Bukhari –lepas zohor- dalam keadaan tidur dan menyelimutkan tubuhnya hingga ke kepala, setiap yang membaca hadis tersebut mesti ditegur dan di tashihkan. Antara ramai yang datang belajar dengannya itu Abang Man perlis/kedah merupakan ketua pelajar. (beliau membuka pondok yang besar di Bukit Besar Perlis / Kedah. Antara anak Tok

Khurasan ialah Allahyarham Hj Daud Kedai Kitab.(Temuramah dengan YAB Tuan Guru, pada 8 / 9 / 2010 di rumah. Jam 9.40 pg).

“Tok Khurasan adalah guru terkenal semasa zaman saya masih kanak-kanak dan saya sentiasa berulang alik ke kampung ini untuk berguru dengan beliau,” katanya ketika ditemui selepas solat jenazah anak kepada Tok Khurasan, Zaharah binti Syed Hassan.

Tok Nik Mat Alim (ayah kepada Hj. Nik Abd Aziz juga belajar dengan Tok Khurasan disamping Tok Mufti Hj Mat Maher. (Hj Mat Maher belajar bahasa Parsi, Hj. Nik Abd Aziz belajar *Misykat al-Masabih* selama dua tahun sebelum ke India) Tok Khurasan selalu berpesan kepada Tok Ku Nik Mat Alim supaya jangan belajar dengan guru-guru melayu kerana konsep mereka ialah hanya menterjemah kitab sahaja. Setelah Tok Khurasan meninggal Hj. Nik Abd Aziz merantau ke Jertih dan belajar di pondok Hj Abbas di Jertih. Hj Abas ada adik namanya ustaz Lah yang belajar di India, beliau ke India mengikut adik Hj Abbas. Beliau ke India setelah Tok Khurasan meninggal dunia.

Anak Tok Khurasan yang masih ada Mat Taib (Dikenali sebagai Pok Yib).

Menurut Dr. Abdul Hayyie, Hj. Nik Abd Aziz sempat belajar dengan Tok Khurasan sekitar 1-2 tahun apabila di bawa oleh bapanya bersamanya untuk belajar dengan Tok Khurasan.

Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz yang kita lihat sekarang bukan sahaja layak untuk memegang jawatan Menteri Besar bahkan beliau mampu untuk menjadi seorang guru atau pensyarah di madrasah, di ma'ahad dan di universiti.

Hj. Nik Abd Aziz ke India (Deoband) bulan Februari 1952-57 kemudian ke Mesir 1958 – 1962. Pulang ke Tanah air pada Februari 1962. Di Lahore 4 bulan masuk kursus al-Quran. Pelajar kedah pada masa beliau di India seramai lebih kurang 50 orang.

Di Mesir tahun 1 & 2 Kuliah Lughah, tahun 3 Kuliah al-Qadha' al-Syar'i Takhasus al-Mahakim al-Syar'iyah. Syeikh al-Azhar pada waktu itu ialah Syeikh Muhammad Syaltut.

Sanad Hadis. Belajar sunan sittah, Muwatta imam Malik dan kitab al-Tahawi(hadis mazhab Hanafi) Tafsir: Quran Mufrad, Tafsir al-Jalalain, Ibn Kathir. Usul al-Fiqh : Nur al-Anwar, M'aani, Bayan wa Balaghah kitab al-Taftazani

Guru-guru beliau: sahih al-Bukhari -Maulana Muhammad al-Madani, Sahih Muslim- Fakhr al-Hassan, Sunan al-Tirmizi- Maulana Ibrahim Baltawi, Misykat al-Masabih-Tok Khurasan.

Beliau mula mengenali dan menghafal *matan Alfiyyah Ibn Malik* iaitu Seribu Matan yang merumuskan kaedah-kaedah asas bahasa arab nahu dan saraf.

Pengajaran hadis di masjid Pulau Melaka. Beberapa kali khatam *Riyad al-Salihin* imam al-Nawawi (kuliah subuh), sesuai dengan para jamaah yang datang dari berbagai lapisan masyarakat, petani, pekebun, peniaga di pasar dan pelajar-pelajar di Maahad Dar al-Anwar. Terdapat juga individu terpelajar, profesionalisme, guru/ustaz dan lain-lain.

Hj. Nik Abd Aziz Seorang yang amat kuat membaca selesai membacai *tafsir fi Zilal*, sekarang sedang memberi tumpuan kepada *tafsir al-Sya'rawi* dan *syarh wa tahlil al-Hikam Ibn 'Ataillah* karya Syekh Said Ramadhan al-Buti disamping buku-buku yang lain tidak terhitung banyaknya. Waktu di IJN beliau sempat menghabiskan *LA TAHZAN* .

Kajian dan penulisan mengenai Hj. Nik Abd Aziz

terdapat beberapa kajian atau penulisan mengenai beliau yang telah dikemukakan oleh beberapa pengkaji. Paling terakhir ialah En. Ismail bin Yusoff (UUM) yang menyiapkan tesis PhD nya dengan tajuk 'Pemikiran dan Perjuangan dan Politik Nik Abdul Aziz bin Nik Mat 1964-2004' seliaan Prof Dato' Mohamad Abu Bakar', di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, siap pada 2009. Sebelum itu terdapat beberapa penulisan dan kajian yang dibuat berkenaan tokoh ini, antaranya:

- Rahimi Saarani, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: Peranan dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Islam di Kelantan, latihan ilmiah, Akademi Islam, UM 1994.
- Habibul Izzah Ahmad, Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: Sebutir sinar di Serambi Mekah, latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Media, UM, 1997.
- Haziyah Hussin, Pemikiran Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam Tafsir al-Quran: Tumpuan Terhadap Surah Hud, latihan ilmiah, Akademi Islam, UM, 1999.
- Mohamad Kamil Abdul Majid, Menyoroti Minda Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Kuala Lumpur: Tampan Padu, 1993.

Selain daripada latihan ilmiah tersebut terdapat juga beberapa bentuk penulisan mengenainya dalam bentuk buku-buku yang membicarakan pengalaman serta peristiwa-

peristiwa politik yang melingkarinya dan juga dalam bentuk penulisan kewartawanan popular. Antara nama-nama yang menulis mengenai beliau ialah, Dinsman, Lotfi Ismail, Kamarul Zaman haji Yusoff, Yahya Ismail, Mohd Sayuti Omar, Yusri Yusoff dan Mohd Nasir Awang. Penulis-penulis ini kebanyakannya memaparkan karisma Hj. Nik Abdul Aziz sebagai seorang ulama dan dalam masa yang sama sebagai tokoh politik. (sila lihat, Ismail Yusoff, tesis PhD, hal 30-42, 2009).

Kajian PhD, latihan ilmiah dan juga beberapa buku yang secara jelas membicarakan karisma, kewibawaan serta *qudwah hasanah* yang ditonjolkan oleh beliau sebagai seorang ulama dan politikus muslim sebenarnya mencerminkan pandangan serta sikap masyarakat terhadap Hj. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

Hj. Nik Abd Aziz sebagai seorang ulama.

Pendidikan yang diterima, pengalaman hidup yang mematangkan, ilmu yang diamalkan serta jihad fi sabilillah yang berterusan melayakkan seseorang mendapat penghormatan yang sewajarnya. Hanya masyarakat/individu yang 'sakit' (مرض) yang tidak mengakuinya.

Matan Alfiyah Ibn Malik mula dihafalnya semenjak usia beliau berumur 10 tahun, kitab *Misykat al-Masabih* dipelajarinya dari Tok Khurasan, Sanad hadis Sunan Sittah ditambah dengan Muwatta Imam Malik dimilikinya daripada ulama-ulama India, *Tafsir al-Quran al-Azim li Ibn Kathir* dan *al-Jalalyn li al-Suyuti*, dikhataminya, Usul al-Fiqh dan Balaghah juga dipelajarinya, menjadikan beliau menguasai ilmu-ilmu alat yang diperlukan untuk menjadi seorang yang berpengetahuan ('alim dan faqih) dalam agama. Di Universiti al-Azhar, Kaherah Mesir beliau membuat pengkhususan Bahasa Arab (Kuliyah al-Lughah tahu 1 & 2, tahun 3 *Kuliah al-Qadha' al-Syar'i Takhasus al-Mahakim al-Syar'iyah*). Kelulusan tersebut sebenarnya melayakan beliau menjawat jawatan mufti, peguam syar'i, hakim syar'i dan seumpamanya.

Amat menekankan dan menjaga solat berjamaah, solat sunat dhuha dan Qiyam al-Lail, membaca al-Quran, kuat membaca dan mentelaah buku-buku agama (Habis dibaca tafsir Fi Zilal li Sayid Outb, sedang menumpukan perhatian kepada tafsir karya al-Sya'rawi dan Syrh wa Tahlil Hikam Ibn Ata'iLLah)

Beliau sebenarnya tidak mahu memberi tumpuan kepada masalah-masalah fekah sekalipun beliau memiliki kelayakan atau autoriti untuk membincangkan permasalahan fekah. Pengajian yang ditelusuri dan pendidikan yang diterima selama 10 tahun pertama secara tradisional dan 10 tahun terakhir secara formal (Deoband, India dan al-Azhar, Mesir) sebenarnya cukup mematangkan beliau serta melayakkan beliau hatta menjadi mufti sekalipun. Namun kebiasaannya apabila ditanyakan persoalan fekah kepada beliau, beliau mengelak untuk menjawabnya dan menunjukkan kepada ustaz Mat Iraqi.

Beliau pernah mengajar *kitab Fiqh al-Sunnah* karya Sayyid Sabiq sehingga mendapat kritikan tajam daripada guru-guru pondok di sekitar Kelantan. Mungkin atas dasar itulah beliau tidak memberi tumpuan kepada permasalahan feqh (bukan melarikan diri tetapi mengambil sikap tidak mahu berkonfrantasi dalam perkara yang tidak memberi manfaat dan faedah kepada masyarakat) itu adalah jalan terbaik baginya. Kritikan terhadapnya dari guru-guru pondok dapat dilihat dari surat yang dihantar oleh guru-guru pondok kepada Yang Berusaha Timbalan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan bertarikh 4.3.1988.

Kritikan guru-guru pondok terhadapnya menunjukkan perbezaan pemikiran antara beliau dengan tuan guru-tuan guru berkenaan. Pendidikan dan pengajian di pondok yang berorientasikan fiqh, tauhid dan bahasa arab dari kitab-kitab kuning, manakala pendidikan dan pengajian Hj. Nik Abd Aziz yang berfikiran 'kaum muda' semenjak dari awal di asuh dan di didik oleh bapanya, kemudian melanjutkan pengajian ke India dengan mempelajari hadis, tafsir dan sebagainya merupakan faktor utama berlakunya perbezaan pendapat itu. Situasi tersebut sebenarnya masih berlarutan sehingga kini.

Th. Hj. Nik Abd Aziz sebenarnya imam, ustaz, tok guru, tok Khatib sebelum beliau menjadi Menteri Besar, Malah PERANAN beliau masih berterusan sehinggalah kini. Kesibukan beliau dengan rakyat dan masyarakat dapat dilihat terutama sekali pada pagi hari Jumaat dari pagi sehinggalah ke malam hari.

Gelaran 'Tok Guru' yang ditujukan kepadanya adalah kerana akhlak peribadi sebagai seorang berilmu (seorang yang beramal dengan ilmunya), pendidikan yang diterima, jihad fi sabilillah yang dilaksanakan dan juga pengalaman hidup yang dikecapinya. Gelaran tersebut bukan berbentuk 'mengampu' malah suatu penghormatan yang diberikan masyarakat kepadanya.

Hj. Nik Abd Aziz sebagai Ulama Hadis.

Sanad hadis yang beliau terima daripada para gurunya dari India, pengajarannya *fiqh al-sunnah* Sayyid Sabiq sehingga menimbulkan kritikan yang tajam dari para guru pondok, serta beberapa kali khatam *Riyad al-Salihin* di masjidnya Di Pulau Melaka, kehidupan serta pemikirannya samada dalam politik dan sebagainya melayakkan beliau digelar sebagai ahli hadis.

Malah sejarah sebelum beliau menceburi politik menunjukkan bahawa beliau seorang yang amat kuat berpegang dengan sunnah sehinggakan satu peristiwa berlaku di mana beliau tidak bangun sewaktu dibacakan marhaban menunjukkan bahawa beliau mempertahankan dan beramal dengan al-Sunnah.

Walaupun beliau tidak menulis buku-buku untuk dijadikan tatapan namun buah fikiranannya tetap segar melalui syarahan, kuliah, khutbah dan sebagainya. Beliau juga tidak mengajar kitab-kitab hadis sittah kerana sibuk dengan gagasan politik Islam yang diperjuangkannya. Penulis pernah meminta untuk membaca kitab-kitab sunan sittah di hadapannya untuk mendapatkan sanadnya lantas di jawabnya “Sudah lama ayah tinggalkan kerana beri perhatian kepada menjawab dan menangani karenah dan gelagat UMNO”.(Memfokuskan perhatian kepada gagasan politik Islam).

Gagasan politik Islam yang dibawanya juga adalah berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah, jihadnya adalah untuk mengembalikan masyarakat kepada Islam, itu semua melayakkan beliau menerima title sebagai ahli hadis.

Karya Hj. Nik Abd Aziz.

Menurut beliau hanya satu buku yang betul-betul ditulisnya iaitu “Mengapa Saya Tidak Menganut Kristian”. Karya-karya lain samada dalam Harakah, buku-buku yang menggunakan namanya dan sebagainya ialah buah pemikirannya yang diolah dan diadaptasi kembali oleh individu-individu yang berminat dengan pemikirannya. Ustaz Masyhudi dari Sg. Penchala yang pernah bertugas di Harakah umpamanya telah mengupas pemikiran Hj. Nik Abd Aziz yang diambil atau adaptasi dari kaset-kaset kuliahnya. Ucapan-ucapan beliau sepanjang menjadi Menteri Besar yang dibukukan atau diterbitkan kebiasaannya ialah dari tulisan

setiausaha akhbarinya. Beliau hanya mengedit dan membuat perubahan ditempat-tempat yang perlu diubah.

Rumusan.

Hj. Nik Abd Aziz merupakan seorang tokoh yang dipinggirkan di persada negara. Ketokohan beliau sebagai seorang ulama, ahli politik Islam dan ahli hadis hanya di akui dan disedari oleh orang-orang yang memiliki mata hati yang suci yang tidak dikotori oleh debu-debu kotor yang bersarang dilubuk hati manusia. Bagaimana boleh diungkapkan "Ku Mencari di Mana al-Ghazali" sedangkan al-Ghazali dan khazanah tinggalannya berada di hadapan mata.

Wallahualam.

Rujukan:

Ismail Yusoff, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

Temuramah dengan Hj. Nik Abd Aziz bin Nik Mat Sendiri.

